

Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan

Waqf as Alternative Fund for Education Financing of School Level in Malaysia: An Overview

MOHD FAIZAL NOOR ARIFFIN, Universiti Kebangsaan Malaysia
MOHAMMAD ZAINI YAHAYA¹, Universiti Kebangsaan Malaysia
ABDUL BASIR MOHAMAD, Universiti Kebangsaan Malaysia
AMIR FAZLIM JUSOH @YUSOFF, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021 Accepted: November 29, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Dana bersaiz mega diperlukan untuk kos operasi pendidikan. Sumber kewangan utama untuk pendidikan adalah peruntukan kerajaan. Namun, berdasarkan ketidaktentuan dan pelbagai cabaran ekonomi, pergantungan penuh secara berterusan kepada pembiayaan kerajaan bukan suatu amalan yang efisien. Maka, dana sekunder amat wajar diperkenalkan supaya bidang pendidikan mempunyai kemampuan kewangan yang tekal dalam apa sahaja keadaan bagi menyediakan pendidikan berkualiti. Instrumen kewangan alternatif yang boleh dicadangkan ialah wakaf. Aplikasi wakaf untuk pendidikan yang sedang dilaksanakan di Negeri Johor dan Selangor boleh dijadikan panduan. Objektif artikel ini ialah meninjau pengenalan wakaf sebagai mekanisme kewangan komplementatif untuk pendanaan pendidikan peringkat sekolah di Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah analisis kandungan. Metode kutipan data ialah analisis dokumen dan data dianalisis secara deskriptif serta induktif. Hasil tinjauan awal mendapati wujud kekangan-kekangan bagi merealisasikan cadangan berkenaan seperti dari sudut perundangan. Namun, terdapat juga ruang-ruang yang boleh dieksploitasi secara optimum bagi menggagaskan wakaf pendidikan untuk peringkat sekolah seperti peranan yang boleh dimainkan oleh Kementerian Pendidikan. Implikasi kajian ini dapat menambah input dan informasi kepada pihak berkepentingan untuk merealisasikan tabung wakaf pendidikan untuk sekolah. Para pemegang taruh dalam pendidikan mesti menggembelng seluruh sumber dan keupayaan ke arah menjayakan hasrat murni ini agar pendidikan negara sentiasa di tahap terbaik seiring kemajuan dunia.

Kata kunci: Wakaf, wakaf pendidikan, sistem pendidikan, era pendidikan digital.

ABSTRACT

Sustainable finance is one of the most crucial need to operate education. Even though education is universal human right and the important vehicle to produce knowledgable people, education does not run at no cost in fact it needs huge amount of money. Full and constant dependance on government allocation for education is unconstructive practice. Every year, education takes amongst the biggest allocation in national budget but complementary fund is still a necessary to support a quality education. For that, waqf is suggested to be the alternative financial instrument. The implementation of waqf for education in the State of Johor and Selangor can be the reference. This article aims to review the potential of waqf as supportive fund for education at school level in Malaysia. The research design used is content analysis. Data is collected through documents analysis and being analysed descriptively as well as inductively. Result shows there are constraints to implement this suggestion for example in terms of law. However there also spaces to run waqf for schools for instance by initiative from Ministry of Education itself. All stakeholders in education must move together by mobilising all strengths and resources to realise this aspiration for constant quality education in line with world changes.

Keywords: Waqf, education waqf, education system, digital education era.

PENGENALAN

Pendidikan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah “didikan, latihan atau ajaran” (2005). Ini

termasuk kegiatan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, spiritual serta fizikal insan. Secara lebih khusus, pendidikan merujuk kepada aktiviti persekolahan (Mook Soon Sang 2008). Pendidikan

¹ Corresponding author.

bermatlamat untuk melahirkan masyarakat yang lebih baik dan berkualiti seiring falsafah yang disusun bagi sesebuah institusi pendidikan. Kebolehan seseorang juga akan diasah sehingga mencapai tahap profesional yang tinggi (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007). Ringkasnya pendidikan ialah perbuatan terima atau beri arahan yang teratur khususnya di sekolah atau universiti. Ia adalah usaha berterusan sepanjang hayat seseorang secara formal atau tidak (UNESCO 2019).

Pendidikan menjadi amalan terpenting dalam kehidupan seseorang untuk membina kemahiran seterusnya dapat memajukan diri dan keluarga serta dapat menyumbang kepada masyarakat, agama bangsa, negara hatta dunia. Pengetahuan dan pendidikan adalah elemen asas pembentukan manusia yang berilmu dan baik serta membawa ke arah kebahagiaan dan kejayaan. Kerana itulah hak berpendidikan adalah hak asasi manusia sejagat dan setiap insan memiliki hak tersebut untuk memiliki akses kepada pendidikan tanpa diskriminasi atau dikenali sebagai pendemokrasian pendidikan.

Matlamat dan konotasi demokrasi itu sendiri bermaksud “keadaan sosial tanpa perbezaan keistimewaan kelas” (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Prinsip yang menjadi tonggak kepada demokrasi ialah persamaan, keadilan dan tiada diskriminasi kerana perbezaan latar belakang, status sosial, dan sebagainya. Setiap rakyat menikmati hak dan berkongsi tanggungjawab serta peluang yang terbuka untuk semua perkara dalam sesebuah negara (Azizi Umar et al. 2013).

Artikel 26 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 menyatakan pendidikan bukan satu keistimewaan tetapi adalah hak asasi manusia. Setiap orang memiliki hak berpendidikan dan pendidikan peringkat rendah wajar diberikan percuma malah patut diwajibkan. Ibu bapa berhak memilih jenis pendidikan untuk anak mereka. Pendidikan yang dimaksudkan ialah yang membina watak kemanusiaan dan membawa ke arah toleransi dalam kepelbagaian. Setiap kelompok rakyat bermula daripada kanak-kanak, remaja, pemuda hatta warga emas mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan dari sudut undang-undang dan iltizam politik adalah tugas kerajaan (UDHR 1948). Hak berpendidikan sebagai hak asasi manusia juga dinyatakan dalam pelbagai perjanjian (*treaties*) antarabangsa seperti Convention against Discrimination in Education (CADE) 1960, International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR) 1966, Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) 1979 dan Convention on the Rights of the Child (CRC) 1989 (UNESCO 2019).

Walau sepeenting manapun pendidikan, realiti menunjukkan ia bukan suatu yang percuma. Seperti perkara lain di dunia, pendidikan memerlukan kos, dana, sumber kewangan atau peruntukan yang besar. Sememangnya menyediakan pendidikan berkualiti adalah tanggungjawab kerajaan di sesebuah negara.

Saranan UNESCO tentang peruntukan minimum sesebuah negara untuk pendidikan ialah 26% daripada bajet tahunan (Adebayo & Abdul Raheem 2019). Namun kelompok lain dalam negara sama ada rakyat, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, parti-parti politik dan lain-lain juga boleh berkongsi tugas mulia ini. Kesepakatan semua pihak dalam negara menjunjung tinggi kepentingan pendidikan, diharap dapat memastikan setiap warga negara akan memperolehi pendidikan yang berkualiti seumur hidup pada kos yang mampu milik.

Di timur dan barat sejak ribuan atau ratusan tahun, sumbangan awam dengan apa jua nama dan atas apa jua tujuan seperti wakaf, amanah (*trust*) dan derma (*endowment*) telah membuktikan keunggulannya termasuk untuk membiayai pendidikan. Sebagai contoh pembinaan Masjid Quba’ dan Masjid Nabawi (622M) semasa zaman Nabi Muhammad SAW yang juga berperanan sebagai institusi pendidikan. Turut mendapat manfaat wakaf ialah pembinaan Universiti Cordova di Andalus, Universiti al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad (Mohd Syakir et al. 2017). Di barat pula terutama di US dan UK, pelbagai universiti telah mengaplikasi konsep *trust* dan *endowment* sebagai sumber kewangan seperti Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Merton College (Siti Mashitoh et al. 2018).

Justeru itu, atas asas kepentingan dan hak pendidikan berkualiti bagi setiap rakyat serta kekangan kewangan untuk pembiayaan kos pendidikan yang amat tinggi, maka antara mekanisme atau instrumen kewangan yang bersifat konkrit dan lestari yang boleh diketengahkan ialah wakaf pendidikan. Kehadiran wakaf sebagai dana alternatif dan komplementatif yang diarusperdanakan tidak seharusnya dilihat sebagai pesaing atau pencabar *status quo* tetapi sebagai sahabat pelengkap kepada sistem sedia ada. Antara kekuatan wakaf yang boleh diperhalusi ialah nilai aset terkumpul bagi wakaf tunai di seluruh dunia ialah USD35 bilion menurut rekod Bank Dunia (Asharaf 2019). Kelebihan, kekuatan, keistimewaan, keunikan dan kebaikan wakaf khususnya untuk pendidikan mesti dikaji secara akademik, mendalam, menyeluruh dan objektif agar dapat menghasilkan satu model wakaf pendidikan yang bersepadu untuk menyokong kemajuan pendidikan di Malaysia. Artikel ini akan meneliti halangan dan peluang yang ada bagi memperkenalkan wakaf pendidikan untuk peringkat sekolah (rendah dan menengah) di bawah KPM.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga Mei 2021, terdapat 10,225 buah sekolah kebangsaan dan menengah di seluruh negara. Jumlah murid pula ialah 4,793,944 dan manakala jumlah guru seramai 412,284 (rujuk laman sesawang rasmi KPM). Antara lain, data ini secara tidak langsung menunjukkan kerajaan perlu berbelanja besar untuk menampung operasi

pendidikan. Pendidikan adalah antara penerima peruntukan terbesar dalam bajet negara. Pada tahun 2019, KPM menerima RM 60.2 bilion (iaitu 19.1% daripada keseluruhan bajet). Bagi tahun 2020 pula, KPM menerima RM 64.1 bilion (iaitu 21.5% daripada keseluruhan bajet). Manakala bagi tahun 2021, KPM menerima RM 50.4 bilion (iaitu 15.6% daripada keseluruhan bajet). Tambahan pula, kini seluruh dunia sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19. Antara kesannya ialah pengurusan pendidikan menjadi semakin mencabar. Malah, ia juga mungkin boleh meningkatkan kos pendidikan. Ini disebabkan para pendidik dan pelajar banyak bergantung kepada penggunaan teknologi untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh secara dalam talian. Aktiviti pembelajaran secara dalam talian boleh terjejas jika wujud kekurangan infrastruktur seperti rangkaian dan tenaga (Edeh et al. 2020). Ini sudah pasti memerlukan dana yang besar untuk mempertingkatkan kualiti dan prasarana pembelajaran.

Bagi menghadapi realiti ini, pergantungan penuh secara berterusan kepada peruntukan kerajaan bukanlah amalan kewangan yang efisien. Kesan daripada isu-isu nasional dan global seperti wabak Covid-19, ketidak tentuan ekonomi dan kemunculan Revolusi Industri 4.0 (*The Fourth Industrial Revolution; IR4.0*) akan turut mempengaruhi kelangsungan peruntukan kewangan untuk pendidikan. Situasi tersebut juga akan menuntut banyak perubahan dalam perjalanan pendidikan seperti pengenalan pendidikan digital, Agenda Pendidikan 4.0 serta pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) (Haziyah et al. 2021). Ini seterusnya sama ada secara langsung atau tidak, menyebabkan peningkatan kos pendidikan. Di sinilah wujudnya keperluan yang mendesak dana sokongan bagi memastikan kualiti pendidikan negara sentiasa menjadi keutamaan. Oleh itu, salah satu mekanisme kewangan yang boleh dicadangkan ialah wakaf. Wakaf bukan suatu perkara yang asing kerana wakaf di Malaysia termasuk untuk pendidikan telah bermula seiring kedatangan Islam ke Tanah Melayu itu sendiri (Maffuza & Noor Syahida, 2014). Pada masa kini, wakaf pendidikan terus diperkasakan dengan pelbagai inisiatif antaranya ialah dengan pelancaran buku berjudul “Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan” (2018) terbitan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan juga *UniTP Purple Book – Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf* (2016) terbitan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Maka, wakaf pendidikan sewajarnya diperluaskan ke semua sektor dan institusi pendidikan di Malaysia termasuk untuk sekolah-sekolah milik kerajaan.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian dan penulisan akademik tentang wakaf telah banyak dihasilkan dalam pelbagai bentuk penulisan, judul dan isu. Ini kerana amalan wakaf itu sendiri telah

berlangsung sejak sekian lama yang mencecah ratusan atau ribuan tahun. Wakaf atau dalam Bahasa Arabnya disebut *waqf* adalah kata terbitan yang berasal daripada kata kerja *waqafa*. Secara literal, *waqf* menurut Ibn Manzur bererti berhenti (*al-sakan*), larangan (*al-man'*) dan tertahan (*al-habs*) (Mohd Hussein et al. 2017). Dari segi terminologi (istilah) fiqh pula, wakaf ditakrifkan sebagai “menahan asal iaitu harta wakaf (*ain*) dan menyalurkan manfaatnya kepada penerima wakaf” (Nazih Hammad 2011). Dalam pentadbiran wakaf di Malaysia, wakaf turut didefinisikan dalam enakmen syariah negeri contohnya “menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)” (Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999).

Pelaksanaan wakaf dalam sesebuah negara adalah untuk pelbagai tujuan sama ada keagamaan, pendidikan, kemudahan umum, pertanian, perladangan dan sebagainya walaupun mungkin wujud perbezaan dari segi tatacara pelaksanaannya (Rabiatul et al. 2017). Menurut Monzer Kahf tujuan pewakafan boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu keagamaan (*religious waqf*), kekeluargaan (*family waqf*) dan kebajikan (*philanthropic waqf*) (Najibah & Mohd Zamro 2014).

Wakaf untuk pendidikan adalah salah satu daripada tujuan perwakafan yang penting. Wakaf pendidikan ialah semua bentuk material berharga sama ada harta, barangan, aset atau tunai yang diinfakkan atas niat wakaf kepada sesebuah institusi atau sektor berkaitan pendidikan secara konsisten atau tidak bagi maksud kegunaan dan faedah orang ramai. Tujuan utama wakaf pendidikan ialah usaha berterusan untuk membangunkan ekonomi bidang pendidikan seterusnya menjana sumber kewangan yang produktif supaya tidak mengharapkan sepenuhnya peruntukan kerajaan (Raja Nor Ashikin & Nor 'Adha 2014).

Amalan wakaf di Malaysia termasuk untuk pendidikan dikesan telah bermula seiring kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Wakaf dimanfaatkan untuk membiayai pembinaan bangunan dan kos pengajian di pelbagai institusi pendidikan Islam seperti sekolah pondok, Sekolah Agama Rakyat (SAR), madrasah hingga peringkat kolej. Pada masa dahulu, wakaf diuruskan oleh pimpinan setempat seperti kadi, imam, tuan guru atau ahli jawatankuasa masjid (Mohd. Ali & Hasan t th.). Wakaf pendidikan di alaf baru telah distruktur sebagai dana alternatif di institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada milik kerajaan atau swasta. Setiap IPT yang melaksanakan wakaf mempunyai nama, model dan kaedah yang tersendiri. Model wakaf Universiti Al-Azhar, Mesir dan konsep *endowment* IPT di barat menjadi antara panduan pelaksanaan wakaf oleh IPT tempatan (Amerudin 2013).

Walaupun wakaf telah diimplementasi dengan cemerlang dan dimanfaatkan secara optimum untuk umat Islam dan bukan Islam bagi banyak tujuan dalam tempoh masa yang sangat panjang, namun ia juga terdedah kepada pelbagai isu dan kekangan. Ini kerana pelaksanaan wakaf dalam kerangka sistem sesebuah negara adalah tertakluk kepada beberapa aspek seperti kepakaran, undang-undang, fatwa, pengurusan, latar belakang masyarakat dan jumlah dana. Dengan itu, untuk melaksanakan wakaf ia bukan semudah yang disangka tetapi mesti mematuhi ketetapan tertentu agar autentik, legitimasi dan objektif wakaf sentiasa terpelihara menurut ukuran syarak serta undang-undang.

Sumber rujukan untuk pengenalan wakaf pendidikan bagi sekolah kerajaan sama ada peringkat rendah atau menengah yang boleh dimanfaatkan adalah amalan wakaf pendidikan sedia ada yang dijalankan di institusi pendidikan bukan kerajaan seperti sekolah agama rakyat (Maffuza & Noor Syahida 2014) dan juga di institusi pengajian tinggi (Mohd. Ali & Hasan t th.). Selain itu, boleh dijadikan panduan ialah dokumen terbitan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2018. Dokumen tersebut berjudul "Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan". Ia merupakan manual lengkap pelaksanaan wakaf di semua institusi pendidikan di Malaysia termasuk sekolah.

Kepentingan pendidikan peringkat awal merangkumi sekolah rendah dan menengah amat penting dalam perjalanan pembelajaran seseorang sebagai persiapan rapi melangkah ke menara gading, alam pekerjaan, hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Perkara tersebut turut ditekankan dari segi undang-undang dan dasar negara. Terdapat pelbagai klausa yang menyentuh tentang hak dan tanggungjawab pendidikan seseorang rakyat seperti Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 29A(2) Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak mengikuti pelajaran rendah selama enam tahun, Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) pula menegaskan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bahawa setiap murid berhak memperoleh akses kepada pendidikan.

Dari sudut pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia pula, antara pelaksanaannya yang boleh dijadikan panduan ialah di Negeri Johor melalui Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Banyak bantuan telah diberikan dalam perkara kebajikan termasuk untuk pendidikan. WANCorp juga menguruskan dua buah sekolah agama. (Norma Md Saad et al 2016). Selain itu, antara sumbangan penting WANCorp dalam bidang pendidikan ialah menyalurkan bantuan kewangan kepada Institut Pengajian Islam dan Bahasa Arab Negeri Johor (MARSAH), tabung pelajar Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia (UIAM), Sekolah Rendah Agama Bersepadu Negeri Johor (SRAB), sumbangan kepada pelajar dalam dan luar negara serta membiayai projek percetakan al-Quran *braille* (Abd. Shakor & Siti Mashitoh 2013).

Selain daripada Negeri Johor, Negeri Selangor yang merupakan negeri termaju di Malaysia juga boleh diteliti. Jika di Johor ditubuhkan WANCorp, di Selangor pula diwujudkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada tahun 2011 yang diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tanah wakaf di Selangor dikategorikan untuk beberapa tujuan termasuk untuk tapak sekolah dan juga manfaat sekolah. Manfaat daripada dana tunai dalam pelbagai bentuk yang dikutip pula digunakan untuk membangunkan tanah-tanah wakaf tersebut (Norizan Hassan et al. 2013). Di satu sudut, keunikan tatacara pelaksanaan wakaf yang berbeza di setiap negeri memberikan percambahan idea.

Berdasarkan semua tema yang telah dinyatakan, artikel ini akan menyoroti lebih lanjut kebolehlaksanaan wakaf pendidikan untuk sekolah-sekolah di bawah KPM terutama dari perspektif cabaran dan peluang. Ini kerana masih belum diwujudkan tabung wakaf yang khusus untuk institusi pendidikan berkenaan berbanding dengan institusi pendidikan yang lain seperti IPT dan sekolah agama persendirian. Maka kajian ini wajar dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut. Tabung wakaf ini wajar ditubuhkan sebagai dana komplementatif kepada peruntukan kerajaan dengan mengambil kira semua aspek terlibat seperti pentadbiran, perundangan dan kerangka sistem pendidikan semasa di Malaysia. Rasional pengenalan dana ini juga kerana ia amat penting yang diharapkan akan menjadi pemangkin dan penyokong dari segi kewangan secara lestari kepada usaha menjayakan konsep pendidikan berkualiti seiring kemajuan dunia untuk semua.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif merupakan satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh seorang individu atau sekumpulan tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial (Creswell 2014). Kajian kualitatif berfokus kepada memahami cara manusia menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan memberi makna kepada pengalaman tersebut (Merriam 2009). Reka bentuk kajian ialah analisis kandungan yang bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik untuk menjelaskan kandungan komunikasi. Fokus utama ialah mengukur kekerapan dan kepelbagaian mesej serta mengesahkan hipotesis (Merriam 2009). Dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan, prosiding serta lain-lain dokumen berautoriti dan relevan bagi menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengkaji ruang dan halangan untuk melaksanakan wakaf

pendidikan peringkat sekolah dalam sistem semasa pendidikan di Malaysia.

Data-data yang diperoleh daripada semua dokumen dianalisis secara deskriptif dan induktif. Deskriptif ialah huraian dan penjelasan yang dinyatakan bagi menafsir serta memahami sesuatu fenomena yang berlaku. Tinjauan ke atas setiap dokumen akan dirumuskan kesemua dapatannya yang berkaitan dan direkodkan secara sistematik (Bloomberg & Volpe 2019). Induktif pula ialah kegiatan mengutip dan menafsir maklumat, setelah itu dibuat kesimpulan atau generalisasi. Ia bermula dengan contoh yang khusus, kemudian dilakukan pemerhatian, kajian, tafsiran atau mengenal pasti dan diakhiri dengan membuat generalisasi (kesimpulan) (Mok Soon Sang 2008). Dalam kajian ini, semua data yang dikumpulkan daripada dokumen dihurai dan diterangkan dengan lebih lanjut secara deskriptif tentang kebolehlaksanaan wakaf pendidikan untuk peringkat sekolah. Data dan fakta yang khusus juga dianalisis untuk membuat satu kesimpulan yang umum merangkumi kekangan dan peluang pelaksanaan wakaf tersebut.

Ringkasnya kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul secara analisis dokumen. Data yang dikutip dianalisis secara deskriptif dan induktif untuk memahami dan meneliti isu ini secara mendalam sesuai dengan ciri kajian kualitatif.

DAPATAN & PERBINCANGAN

Wakaf untuk tujuan pendidikan bukan sesuatu yang asing dalam konteks Malaysia kerana ia telah dilaksanakan sejak awal kedatangan Islam ke negara ini seperti untuk pembinaan pondok (Jasni Sulung 2015). Namun, sejauh mana ia difahami dan diamalkan secara konsisten oleh komuniti Muslim masa kini khususnya adalah satu persoalan yang memerlukan kajian untuk diteliti dengan lebih lanjut. Ini bertujuan memastikan hubungan erat antara wakaf pendidikan dan masyarakat sentiasa utuh bagi memastikan pendidikan yang berkualiti untuk rakyat sentiasa mampu disediakan terutama dari sudut kewangan. Tanpa kesedaran yang tinggi untuk berwakaf dalam kalangan masyarakat, dana wakaf untuk apa sahaja tujuan sama ada pendidikan, kesihatan dan sebagainya sukar dilaksanakan dengan jayanya walau sehebat mana model wakaf yang diperkenalkan.

Untuk memahami secara jelas, menyeluruh serta mendalam pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia yang bersifat praktikal dan lokal terutama berkaitan cabaran, kekangan, halangan, isu berbangkit, masalah, kelemahan atau kekurangan yang timbul, contoh realistik terdekat yang boleh diteliti ialah amalan wakaf pendidikan di IPT khususnya universiti awam (UA). Ini kerana IPT adalah antara institusi pendidikan di Malaysia yang telah melaksanakan wakaf. Dengan itu juga,

tindakan yang efektif boleh diambil untuk memperkasakan lagi wakaf. Pelbagai kajian akademik telah dijalankan oleh para pengkaji tentang isu-isu yang wujud sekitar amalan wakaf pendidikan di IPT. Dapatan beberapa kajian berkaitan diringkaskan seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Isu dan Cabaran Pelaksanaan Wakaf Pendidikan di IPT

Bil	Kajian	Isu dan cabaran
1.	Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid. (2014). <i>Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia</i>	1. Kerap bertukar pengurusan tertinggi wakaf
2.	Suziana Mohamed Nor & Romzie Rosman. (2017). <i>Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia.</i>	1. Kefahaman masyarakat masih rendah 2. Pemberian hasil manfaat wakaf kepada perbadanan 3. Kurang kepakaran pengurus wakaf 4. Kekangan undang-undang; MAIN pemegang amanah tunggal wakaf 5. Mengurus data dan maklumat dengan ICT 6. Kurang dana menguruskan wakaf
3.	Rohayati Hussin & Rusnadewi Abdul Rashid. (2018). <i>Pelaksanaan wakaf di universiti awam: Cabaran dan cadangan penambahbaikan</i>	1. Kefahaman warga universiti terhadap wakaf masih rendah. 2. Kurang tenaga pakar dalam kumpulan pengurus dana wakaf. 3. Kurang dana majukan projek wakaf 4. Kesedaran masyarakat pada dana wakaf di IPT masih rendah. 5. Kurang panduan dan rujukan perihal wakaf yang konkrit.
4.	Mohd. Ali Muhamad Don & Hasan Bahrom. <i>Beberapa isu berbangkit implikasi pengenalan skim wakaf untuk pendidikan tinggi di Malaysia</i>	1. Isu perundangan; Pemusatan kuasa pengurusan wakaf kepada MAIN 2. Isu pengurusan wakaf oleh MAIN; Jadi Kekangan pihak IPT menguruskan harta wakaf 3. Isu pengurusan wakaf di IPT; Staf pentadbiran, mentaliti masyarakat dan pemasaran.

Berdasarkan Jadual 1, dapat diperhatikan beberapa isu dalam pelaksanaan wakaf pendidikan yang ketara. Kesemua isu tersebut boleh dikelompokkan kepada faktor manusiawi dan bukan manusiawi. Faktor manusiawi melibatkan barisan pengurusan (kepakaran) dan juga masyarakat (kefahaman dan kesedaran tentang wakaf). Elemen bukan manusiawi pula dari sudut kekangan undang-undang (pemusatan kuasa kepada MAIN) dan kekurangan dana untuk memajukan harta wakaf.

Kekangan lain yang wujud ialah dari aspek perundangan. Ini kerana semua sekolah kebangsaan (rendah dan menengah) adalah milik kerajaan persekutuan di bawah KPM. Bidang kuasa hal ehwal pendidikan adalah kuasa kerajaan persekutuan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan (rujuk Senarai 1, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan). Manakala kuasa bagi hal ehwal Islam termasuk wakaf pula adalah di bawah kerajaan negeri (rujuk Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan). Keadaan ini mungkin boleh menimbulkan pertindihan kuasa dan konflik kepentingan. Masalah juga akan timbul untuk menubuhkan dana wakaf untuk sekolah-sekolah di bawah KPM jika salah satu pihak sama ada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri tidak bersetuju dalam perkara tersebut.

Pelaksanaan dan pengurusan wakaf di era moden juga menghadapi cabaran yang kompleks seperti mana dihadapi oleh instrumen kewangan yang lain. Apabila berbicara tentang wakaf masa kini, ia juga mencakupi elemen-elemen kontemporari seperti urus tadbir korporat, pengurusan risiko, portfolio pelaburan dan sebagainya. Oleh itu, bagi memastikan pengembangan aset wakaf dalam realiti semasa, terdapat beberapa kekangan utama yang timbul iaitu kekurangan sumber kewangan bagi membangunkan harta wakaf tidak alih dan mewujudkan aset yang baru serta keterbatasan portfolio aset wakaf untuk dimajukan (Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahman et al. 2020). Isu-isu yang timbul ini juga perlu terus diteliti dan dikaji oleh para pakar dan pelaksana wakaf untuk merumuskan satu solusi dan formula yang efektif.

Namun begitu, semua halangan yang telah dinyatakan tidak bermakna wakaf pendidikan tidak boleh diperluaskan ke sektor lain sama sekali. Berdasarkan penelitian kepada perpektif yang berbeza dan pelbagai fakta yang lain, didapati masih terdapat ruang, peluang, potensi serta harapan yang boleh dimanfaatkan secara optimum oleh para pemegang taruh pendidikan dan wakaf di Malaysia bagi terus berusaha memperluas dan memperkasakan wakaf pendidikan termasuk untuk peringkat sekolah milik kerajaan. Peluang-peluang yang telah dikenal pasti tersebut diringkaskan dan ditunjukkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: Peluang-peluang untuk melaksanakan wakaf pendidikan untuk sekolah

Bil	Peluang-peluang	Rujukan
1.	Imej positif Malaysia sebagai sebuah negara Islam serta antara pemain utama perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa	Yusuff Jelili Amuda, Murshamshul Kamariah Musa dan Abdul Majid Tahir Mohamed. Empirical Study on the Feasibility of UniSZA's Staff Cash Waqf and its Possible Impact on Human Development in Terengganu. (2016)
2.	Terdapat topik wakaf dalam silibus Pendidikan Islam di sekolah. Ini dapat membantu menyebarkan kefahaman kepada kelompok masyarakat (guru dan murid) tentang wakaf.	Lihat silibus Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5. Juga lihat Kurikulum Bersepadu Dini Al-Syariah Tingkatan 4
3.	KPM telah mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) pada tahun 2013 untuk membuat kutipan awam dan memberi bantuan kewangan kepada murid miskin di sekolah kerajaan. Selain itu, Akaun Amanah Tabung Penyelenggaraan Sekolah Kerajaan dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (AATPSKIPTA) telah ditubuhkan pada tahun 2019. Sebagai langkah awal, dana-dana ini mungkin boleh dijadikan asas dengan ditukarkan kepada tabung wakaf sebelum tabung wakaf pendidikan negara berskala besar diperkenalkan.	Rujuk laman sesawang KPM tentang KWAPM. Lihat juga Brosur AATPSKIPTA V3 terbitan KPM.
4.	Boleh berkongsi secara pintar data, pengalaman dan informasi yang berkaitan dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air yang telah menubuhkan Tabung Wakaf Air Nasional (dikenali sebagai Wakaf Air).	Lihat Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Kedua, Bil. 22, Selasa, 18 Ogos 2020, Jawapan-jawapan Menteri bagi pertanyaan-pertanyaan, halaman 8-10.

5.	Potongan cukai untuk pewakaf . Rujuk Subseksyen 44 (11D), Akta Cukai Pendapatan 1967	Lihat Garis panduan untuk kelulusan KP Hasil Dalam Negeri di bawah Subseksyen 44 (11D), Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi wakaf
6.	Ada peruntukan dalam enakmen wakaf di negeri tertentu yang membenarkan pihak lain dilantik untuk menguruskan wakaf selain MAIN contohnya di Selangor, Terengganu dan Perak.	Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman dan Azizi Che Seman. Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia. (2018)
7.	Pengumuman dalam Belanjawan Malaysia 2021 untuk menubuhkan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN)	Lihat Ucapan Belanjawan 2021, Kementerian Kewangan Malaysia. Halaman 23.
8.	Perancangan penubuhan Tabung Wakaf Pendidikan (Kerjasama antara KPM dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).	Respon daripada JAWHAR dan YWM.

Merujuk jadual 2, dapat difahami bahawa masih terdapat peluang yang wajar diperhalusi ke arah merangka model yang konkrit wakaf pendidikan untuk sekolah-sekolah supaya wakaf pendidikan dapat diarusperdanakan. Ini dapat membuka ruang dan menghidupkan harapan agar wakaf pendidikan bukan sahaja menjadi dana sampingan tetapi menjadi arus perdana. Peluang yang boleh dimanfaatkan melibatkan aspek kedudukan aktif Malaysia dalam peta kewangan Islam antarabangsa, pendedahan tentang wakaf di sekolah, inisiatif KPM dalam program pendermaan untuk pendidikan seperti penubuhan KWAPM, AATPSKIPTA dan Tabung Wakaf Pendidikan, komitmen kerajaan untuk mewujudkan pelbagai instrumen kewangan Islam seperti Wakaf Air dan PIWN, potongan cukai untuk pewakaf serta peruntukan undang-undang untuk melantik pengurus wakaf selain MAIN. Kesemua faktor ini boleh dikategorikan kepada 3 kumpulan pemain utama ke arah pemeraksanaan wakaf pendidikan di Malaysia iaitu kerajaan (KPM, MAIN, PIWN, LHDN dan undang-undang); ahli akademik (silibus tentang wakaf) dan masyarakat (penyumbang kepada dana wakaf).

Untuk melaksanakan wakaf dalam era moden ini tertakluk kepada aspek-aspek profesionalisme agar wakaf dapat berfungsi dengan baik dan memberikan manfaat yang optimum kepada umum. Ini juga bagi memastikan legitimasi wakaf dari perspektif syarak dan undang-undang sentiasa terpelihara. Sebarang tindakan yang bertentangan dengan kedua-dua bidang tersebut mesti dielak oleh pelaksana wakaf. Menurut Norizan Hasan dan lain-lain (2008) beberapa elemen penting mesti difokuskan untuk membina kerangka

pengurusan wakaf yang konkrit iaitu tenaga kerja, pemasaran, pentadbiran, informasi dan kewangan ditambah elemen penyelidikan, pelaburan dan pembangunan harta wakaf. Oleh itu, dengan asas-asas yang ada, semua pihak wajar menggembelng segala kekuatan bagi menjayakan aspirasi ini meskipun wujud juga kekangan-kekangan.

KESIMPULAN

Pendidikan adalah hak asasi manusia. Setiap insan berhak mendapatkan pendidikan yang berkualiti untuk kemajuan diri dan dapat menyumbang kepada pihak lain. Namun kos pendidikan adalah sangat tinggi. Oleh itu, dana sokongan selain peruntukan kerajaan amat penting untuk diwujudkan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara lestari. Wakaf pendidikan adalah alternatif terbaik berdasarkan rekod keunggulannya sejak dahulu hingga kini. Proses bagi mengarusperdanakan wakaf pendidikan di Malaysia iaitu dengan mewujudkan dana wakaf untuk semua sektor dan peringkat pendidikan termasuk untuk sekolah-sekolah kerajaan menghadapi beberapa kekangan seperti isu undang-undang. Tetapi, masih wujud ruang dan peluang bagi menjayakan hasrat murni tersebut seperti inisiatif yang boleh digerakkan oleh KPM sendiri. Langkah penting seterusnya ialah kolaborasi secara konstruktif semua sumber dan sekalian pemegang taruh pendidikan di Malaysia bagi merealisasikan wakaf pendidikan sebagai sumber kewangan pendidikan arus perdana yang mapan. Pengumuman dan komitmen kerajaan untuk memperkenalkan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) mungkin menjadi titik tolak penting kepada cita-cita murni tersebut.

RUJUKAN

- Abd. Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood. 2013. Wakaf korporat Johor Corporation dan sumbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Techno Social* 5(2): 61-77.
- Adebayo, S. A. & Abdul Raheem, A. G. Z. 2019. Islamic finance instruments as alternative financing to sustainable higher education in Nigeria. *Global Journal of al-Thaqafah* 9(1): 35-48.
- Amerudin Ismail. 2013. Konsep dan pengurusan wakaf pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Asharaf Mohd. Ramli. 2019. Inovasi model wakaf tunai di Malaysia berlandaskan kepada garis panduan fatwa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 18(2): 1-12.

- Azizi Umar, Mohd Syuja' Saedin & Nazri Muslim. 2013. Pelaksanaan pendemokrasian pendidikan ke atas sekolah agama dalam sistem perundangan di Malaysia. Prosiding Seminar Internasional Pendidikan Global 2013, hlm. 110-132.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). 2018. *DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bloomberg, L. D. & Volpe, M. 2019. *Completing Your Qualitative Dissertation A Road Map From Beginning to End*. Los Angeles: Sage Publications Inc.
- Creswell, John W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed methods Approaches*. Singapore: SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Dewan Rakyat Parlimen Malaysia. 2020. *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Kedua, Bil. 22, Selasa, 18 Ogos 2020*.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 1999. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.
- Edeh, M. O. Nwafor, C. E. Faith, A. O. Shuvro, S. Fyeface, G. A. Aabha, S. & Alhuseen, O. A. 2020. Impact of Coronavirus Pandemic on Education. *Journal of Education and Practice* 11(13): 108-121.
- Haziyah Hussin, Najah Nadiah Amran, Nur Farhana Abdul Rahman, 'Adawiyah Ismail & Zamzuri Zakaria. 2021. Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani Cabaran Pandemik COVID-19. *Islāmiyyāt* 43(1): 3-14.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2018. *Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Jasmi, K. A. Tamuri, A. H. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasni Sulong. 2015. Pondok education in Seberang Perai: Its evolution and uniqueness. *Kajian Malaysia* 3(2): 75-90.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2020. *Ucapan Belanjawan 2021*. Putrajaya: Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Brosur AATPSKIPTA*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. <https://www.moe.gov.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2017. *University Transformation Programme Purple Book: Enhancing university income generation, endowment & waqf*. Ed. Ke-2. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). 2020. *Garis panduan untuk kelulusan Ketua Pengarah (KP) Hasil Dalam Negeri di bawah Subseksyen 44 (11D), Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi wakaf*.
- Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman. 2014. Wakaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. Proceedings International Research Management and Innovation Conference 2014, hlm. 670-683.
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd. Ali Muhamad Don & Hasan Bahrom. t th. Beberapa isu berbangkit implikasi pengenalan skim wakaf untuk pendidikan tinggi di Malaysia. https://www.academia.edu/28713184/BEBE_RAPA_ISU_BERBANGKIT_IMPLIKASI_PENGENALAN_SKIM_WAKAF_UNTUK_PENDIDIKAN_TINGGI_DI_MALAYSIA
- Mohd Huefiros Efizi Husain, Mohd Nasir Abd Majid & Muneer Ali Abdul Rab. 2017. Anjakan paradigma waqaf berasaskan prinsip masalah al-mursalah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 4(3-1): 1-10.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub & Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2017. Wakaf pendidikan di Malaysia: Suatu pengenalan. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017, hlm. 389-395.
- Mok Soon Sang. 2008. *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. 2014. Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1(1): 45-57.
- Nazih, H. 2011. *Mu'jam al-mustalahat al-maliyyah wa al-iqtisadiyyah fi lughah al-fuqaha'*. Damsyik: Dar Al-Kalam.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman & Zaleha Yazid. 2013. Pengurusan dan pembangunan wakaf pendidikan: Kajian kes di Selangor, Malaysia. Prosiding 1st International Conference on Islamic Wealth Management (2013), hlm. 386-406.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman & Zaleha Yazid. 2018. Developing a New Framework of Waqf Management. *International Journal of Academic Research in Business and Social* 8(2): 287-305.

- Norma Md Saad, Salina Kassim & Zarinah Hamid. 2016. Best practices of waqf: Experiences of Malaysia and Saudi Arabia. *Journal of Islamic Economics Lariba* 2(2): 57-74.
- Parlimen Malaysia. 1963. Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Mengandungi pindaan terkini - Akta 1260/2006).
- Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed & Norhanizah Johari. 2017. Pengurusan wakaf di Malaysia: Isu dan cabaran. Proceedings 4th International Conference on Management and Muamalah 2017, hlm. 43-51.
- Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. 2014. Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: Kajian awal. Proceedings International Conference on Postgraduate Research, hlm. 454-465.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman & Azizi Che Seman. 2018. Pembentukan institusi pengajian tinggi berteraskan wakaf di Malaysia: Cadangan model pelaksanaannya. *Jurnal Syariah* 26(1): 1-22.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. 2019. *Right to education handbook*. Paris: UNESCO and Right to Education Initiative. United Nations. 1948. Universal Declaration of Human Rights (UDHR) 1948.
- Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob & Mohamad Sabri Harun. 2020. Pengurusan pembangunan portfolio aset wakaf: Keterdedahan risiko dan pengurusannya. *Journal of Contemporary Islamic Law* 5 (1): 26-36.

Mohd Faizal Noor Ariffin
mofana_5503@yahoo.com
Pelajar Siswazah
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI
Selangor
MALAYSIA

Mohammad Zaini Yahaya
zainiyahya@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI
Selangor
MALAYSIA

Abdul Basir Mohamad
abasir@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI
Selangor
MALAYSIA

Amir Fazlim Jusoh @Yusoff
amiry@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI
Selangor
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāsid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāsid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary	43-54
Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.